PROSES KERJA

| BIDANG: PENTADBIRAN AM PEJABAT | KOD: TN 13.2 | | |
|---|---|---|---|
| AKTIVITI: Hal-Hal Protokol | SUB-AKTIVITI: Pengibaran Bendera | | |
| PROSES KERJA | BORANG | UNDANG-UNDANG | JAWATAN |
| **PERKARA-PERKARA PENTING**<br><br>1. Hal-hal berkaitan dengan prosedur pengibaran bendera-bendera adalah seperti tercatat di dalam Lampiran A yang telah disertakan.<br><br>2. Selain dari apa yang telah tercatat di dalam Lampiran A, perkara-perkara yang harus juga diambil perhatian ialah:-<br><br>2.1 Pemasangan dan penurunan Bendera-bendera mestilah dilakukan dengan hormat dan cermat. Misalnya apabila menurunkan bendera perhatikan supaya bendera tidak terkena pada muka bumi.<br><br>2.2 Bendera-bendera yang sudah koyak/rosak tidak harus dikibarkan. Bendera-bendera sepertio ini haruslah dimusnahkan dan diganti baru.<br><br>3. Selain daripada pengibaran bendera di bangunan-bangunan kerajaan, kapal-kapal yang dimiliki oleh jabatan-jabatan kerajaan negeri haruslah mengibarkan bendera negeri Sarawak. | | | |